

BAB 4

ORGANISASI SEKOLAH TAMIL DI SELANGOR SEBELUM MERDEKA

Dari segi organisasi, sekolah-sekolah Tamil di Selangor tidak berbeza dengan sekolah-sekolah Tamil di NNMB yang lain mahupun di NNS. Ini disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh pihak British dalam menentukan keseragaman semua jenis sekolah iaitu sekolah kerajaan, sekolah mubaligh, sekolah komiti dan sekolah ladang, walaupun terdapat sedikit-sebanyak perbezaan dari segi pengurusan dan pembiayaan bagi setiap jenis sekolah tersebut. Dari segi aspek-aspek yang lain, kesemua sekolah tersebut harus mengikut garis panduan yang disediakan oleh pihak British sama seperti sekolah-sekolah kerajaan supaya boleh mendapat bantuan kewangan.

Pengurusan dan Penyeliaan

Pentadbiran sekolah-sekolah Tamil yang merangkumi pengurusan dan pentadbiran, sebagaimana sekolah-sekolah aliran lain sebelum merdeka telah diterajui oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Mulai tahun 1906 kuasa terhadap persoalan pendidikan di NNS dan NNMB dipegang oleh seorang pegawai kerajaan yang digelar sebagai Pengarah Pelajaran (Director of Education).¹

Pengarah tersebut pula bertanggungjawab memilih di kalangan guru-guru untuk menjadi Penyelia Sekolah-sekolah di Selangor dan Negeri Sembilan. Sebelum itu, tugas penyeliaan dijalankan oleh Pegawai Perkhidmatan Awam dan mereka ini bukan dari Jabatan Pelajaran. Perubahan terhadap sistem ini boleh dikatakan telah membawa kepada kepakaran di kalangan pegawai dalam soal penyeliaan.

Jabatan Pelajaran pula sebelum merdeka, terutamanya sebelum Perang Dunia Kedua tidak mempunyai kuasa yang menyeluruh. Di bawah jabatan ini semua sekolah perlu didaftar sama ada sekolah tersebut berada dalam kategori sekolah kerajaan, sekolah mubaligh, sekolah jawatankuasa mahupun sekolah estet.² Namun, sekolah-sekolah kerajaan sahaja yang dikawal dan diselenggarakan oleh kerajaan. Keadaan ini juga diaplikasikan bagi sekolah-sekolah Tamil di Selangor.

Fungsi utama Jabatan Pelajaran adalah menyediakan bantuan kewangan berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan. Jabatan Pelajaran hanya berperanan sebagai badan penasihat dan tidak mempunyai kuasa mentadbir sekolah-sekolah yang bukan milik kerajaan. Pada tahun 1949, sekolah-sekolah India di Persekutuan berjumlah sebanyak 889 dan hanya 26 buah daripada sekolah-sekolah tersebut adalah sekolah kerajaan, 709 adalah sekolah estet yang dibantu oleh kerajaan dan selebihnya, sebanyak 118 buah sekolah terdiri daripada sekolah mubaligh dan sekolah komiti³. Ini bermakna hanya 3 peratus sekolah Tamil sahaja yang terdiri daripada sekolah kerajaan.

Sekolah estet diuruskan oleh Pengurusan ladang dan didirikan bagi anak-anak pekerja ladang. Pengurus ladang berperanan mengawasi perjalanan sekolah serta penyelenggaraan bangunan sekolah melalui Jemaah Pengurus yang diketuai sendiri oleh Pengurus. Satu contoh pengurusan ladang di Selangor yang menjalankan sekolah ladang ialah The Amherst (Selangor) Rubber Co., Ltd. yang mengurus Sekolah Tamil Ladang Amherst.⁴ Wang yang diterima daripada kerajaan disalurkan oleh Jemaah Pengurus untuk membeli perabot, peralatan sekolah, buku-buku dan alat tulis serta membayar gaji guru.⁵ Peranan utama pihak pengurusan ladang adalah untuk memastikan bangunan sekolah berada dalam keadaan baik serta kehadiran pelajar adalah mencukupi supaya bantuan kerajaan dapat disalurkan terhadap sekolah tersebut.

Ada pengurusan ladang yang menjalankan tugas pengawasan kehadiran pelajar dengan baik umpamanya Pengurus Ladang Amherst yang melawat sekolah Tamil di ladangnya pada setiap minggu. Tindakan beliau yang sedemikian dapat mempastikan bahawa pelajar hadir ke sekolah yang seterusnya memudahkan sekolah tersebut mendapat bantuan kewangan.

Pengurusan sekolah mubaligh pula terdiri daripada satu badan pengurusan di mana terdapat Ahli Jawatankuasa yang terpilih, yang boleh diibaratkan sebagai Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Sebuah sekolah mubaligh yang amat nyata di Selangor sebelum merdeka ialah Sekolah Tamil Vivekananda yang terletak di Brickfields.⁶ Jawatankuasa awal sekolah ini terdiri daripada seorang pengurus dan empat orang ahli keturunan Tamil.

Oleh kerana pengurusan sekolah ini amat baik, maka pada tahun 1915, pihak kerajaan yang bertanggungjawab menyediakan bantuan kewangan, telah memberi peruntukan kewangan Gred Pertama kepada sekolah ini.⁷ Kewangan Gred Pertama bermakna wang yang lebih diberikan kepada pelajar mengikut angka per kapita.

Sekolah ini kemudiannya telah mengadakan garis panduan pemilihan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada sebelas orang ahli termasuk Penyelia, Setiausaha, Bendahari dan Pengurus Sekolah. Untuk mmepastikan pengurusan adalah efisyen, maka jawatankuasa yang dipilih hendaklah dihantar kepada Ramakrishna Mission di India untuk mendapatkan kelulusan. Tuntutan-tuntutan yang sedemikian dapat menjanjikan pengurusan sekolah mubaligh berjalan lancar.

Sekolah komiti, sebagaimana juga sekolah mubaligh terdiri daripada satu jawatankuasa yang dilantik khas di kalangan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak sekolah jenis ini. Sekolah Tamil Saraswathi, Sungai Buloh adalah contoh sekolah komiti di

Selangor sebelum merdeka. Sama ada sekolah jenis ini berjalan dengan efisyen atau tidak bergantung kepada jawatankuasa sekolah tersebut. Pengurusan sekolah ini pada tahun 1955, telah diletakkan di bawah MIC cawangan Sungai Buloh, bermakna sekolah tersebut telah bertukar pengurusan.⁸ MIC terpaksa mengambil alih pengurusan sekolah tersebut kerana jawatankuasa yang sedia ada tidak dapat menunjukkan peningkatan dalam enrolmen pelajar.

Penyeliaan terhadap sekolah-sekolah Tamil di NNS dan NNMB telah bermula pada tahun 1930 dengan perlantikan Pegawai dari *Malayan Educational Service*. Pegawai yang pertama adalah orang Eropah yang ada pengetahuan dalam Bahasa Tamil.⁹ Pada tahun 1932 jawatan ini telah dimansuhkan setelah kematian pegawai tersebut dan dimulakan kembali pada tahun 1937 dengan gelaran Penyelia Sekolah-sekolah India (Inspector of Indian Schools).

Di bawah Penyelia tersebut terdapat pula Penolong-penolong Penyelia bagi melicinkan tugas penyeliaan. Mereka ini adalah orang berketurunan Tamil yang ada pengetahuan Bahasa Inggeris. Pengetahuan bahasa ini membolehkan mereka bertindak sebagai orang perantaraan di antara kerajaan dan pihak sekolah dalam menyelesaikan sebarang masalah pengurusan yang berkaitan dengan perjalanan sekolah.

Di Selangor beberapa orang Penolong Penyelia Sekolah-sekolah India sebelum merdeka adalah seperti Encik K. Mylvaganam, Encik Ramanuja Achari, dan Encik J.G. Manickam dan mereka digelar sebagai *Assistant Inspector of Indian Schools*. Mereka diketuai oleh Encik M. Arunasalam selaku Penyelia Sekolah-sekolah India, Selangor sebelum merdeka.

Tugas Penyelia dan Penolong Penyelia ialah menyelia sekolah-sekolah Tamil dan membuat laporan sewajarnya tentang keadaan bangunan, pengajaran guru, pencapaian

akademik pelajar, dan enrolmen sekolah. Laporan mereka kemudiannya dihantar ke Jabatan Pelajaran. Bagi sekolah-sekolah estet, laporan tersebut dihantar melalui pihak pengurusan ladang. Laporan ini kemudiannya digunakan untuk tujuan penyaluran bantuan kewangan.

Walaupun pentadbiran sekolah-sekolah Tamil khususnya di Selangor terletak di bawah Jabatan Pelajaran, namun masih tiada keseragaman dalam soal pengurusan sekolah-sekolah tersebut. Pengurusan yang baik dapat dilihat di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah mubaligh, walaupun ada sebilangan kecil sekolah-sekolah ladang yang menunjukkan pengurusan yang baik.

Pembiayaan dan Bantuan Kewangan

Pembiayaan atau punca kewangan bagi sekolah-sekolah Tamil di Selangor, sebagaimana dengan sekolah-sekolah Tamil di negeri-negeri lain adalah berbeza mengikut jenis-jenis sekolah. Sumber dari mana mereka perolehi wang tersebut juga berbeza.

Bagi sekolah kerajaan, tiada masalah untuk mencari punca pembiayaan kerana kerajaan menanggung segala perbelanjaan pengurusan sekolah. Ini termasuk pembayaran gaji guru, penyelenggaraan bangunan sekolah, pembelian perabot dan sebagainya. Jadi jemaah pengurus tidak menghadapi masalah untuk mencari wang bagi menentukan perjalanan sekolah. Tetapi perlu diambil perhatian bahawa bilangan sekolah kerajaan di Selangor sebelum merdeka adalah sangat kecil bilangannya. Pada tahun 1922, hanya terdapat sebuah sahaja sekolah Tamil kerajaan iaitu Sekolah Tamil Kerajaan Klang dengan jumlah pelajar seramai 71 orang berbanding dengan 92 sekolah lain yang

mendapat bantuan kerajaan.¹⁰ Pemberian bantuan penuh bagi Sekolah Tamil Klang pada tahun 1922 berbanding dengan sekolah-sekolah aliran lain diberi seperti berikut:

Jadual 9: Kos Per Pelajar Di Sekolah Kerajaan Negeri Selangor Bagi tahun 1922

Sekolah	Bilangan Pelajar	Purata Kedatangan	Bayaran Wang	Pendapatan Sekolah	Kos Per Pelajar
Inggeris	271	257	\$29,782.49	-	\$100.22
Melayu	4147	3565	\$117,810.84	-	\$33.07
Tamil	71	65	\$1299.37	-	\$19.99
Cina	74	69	\$1644.60	-	\$23.98

Sumber: Sel. Sec. B.R.O. 1923, Vol. 1, 1179/23, Taj: Annual Report 1922, Education Department Selangor.

Oleh kerana terdapat hanya sebuah sahaja sekolah aliran Tamil milik kerajaan di Selangor pada tahap awal dengan bilangan pelajar seramai 71 orang, maka perbelanjaan ke atasnya juga tidak banyak. Penelitian kepada jadual di atas menjelaskan bahawa kos per kepala bagi kanak-kanak Tamil adalah yang paling rendah sekali iaitu hanya \$ 19.99 berbanding dengan kos tertinggi bagi kanak-kanak sekolah aliran Inggeris iaitu sebanyak \$100.22. Ini menunjukkan sekolah aliran Tamil kurang mendapat perhatian pihak kerajaan. Sebaliknya sekolah aliran Inggeris diberi lebih tumpuan.

Pembentukan kewangan bagi sekolah-sekolah Tamil estet pula adalah tanggungjawab pihak pengurusan. Majikan ladang akan membayar segala perbelanjaan umpannya penyelenggaraan bangunan, dan penyediaan tempat penginapan bagi guru. Gaji guru juga dibayar terlebih dahulu oleh majikan sebelum dituntut dari Jabatan Pelajaran. Adakalanya majikan tidak dapat menyediakan wang tersebut. Sebagai contoh

kemelesetan ekonomi tahun 1930-an turut membawa kesan negatif terhadap perjalanan sekolah Tamil ladang. Ini kerana majikan kurang mendapat keuntungan, lantas tidak menyediakan kemudahan pelajaran yang mencukupi bagi kanak-kanak ladang. Ada kalanya sekolah-sekolah ladang yang tidak dapat dibiayai oleh majikan terpaksa ditutup.¹¹

Selain daripada itu, sekolah ladang juga mendapat wang perbelanjaan hasil daripada jualan todi di ladang tersebut. Biasanya wang keuntungan jualan todi ini digunakan untuk menyediakan makanan dan pakaian sebagai insentif kehadiran bagi pelajar. Pendekata, pembiayaan bagi sekolah ladang adalah dari satu pihak sahaja iaitu pengurusan ladang khususnya bagi sekolah yang tidak mendapat bantuan kewangan kerajaan.

Sekolah mubaligh pula mempunyai cara tersendiri dalam soal pembiayaan sekolahnya. Punca pendapatan bagi Sekolah Tamil Vivekananda adalah berbagai, seperti hasil kutipan yuran bulanan dari pelajar, derma, *subscription* atau langganan, penjualan kalender badan *Ramakrishna Mission* serta tabung sekolah. Menjelang 31 Disember 1921, sekolah ini dapat mengutip derma sebanyak \$1199.14 daripada 115 orang, bagi pembinaan bangunan sekolah baru.¹² Sekolah-sekolah mubaligh banyak bergantung kepada hasil kutipan tersendiri untuk memastikan perjalanan sekolah adalah licin, walaupun mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan.

Bagi sekolah jawatankuasa juga, punca pendapatan untuk tujuan pembiayaannya agak terbatas. Punca utama ialah hasil kutipan bayaran yuran daripada pelajar. Sebagai contoh, Sekolah Tamil Thambusamipillai di Sentul telah mengutip yuran sebanyak \$2,995.25 pada tahun 1936. Bantuan kewangan dari kerajaan bagi tahun tersebut hanya \$1,352.00 sahaja. Hasil kutipan tambahan bagi sekolah tersebut ialah melalui terimaan

derma dan sewa yang berjumlah \$251.57. Namun pada tahun tersebut sekolah ini mengalami defisit sebanyak \$1,703.91.¹³ Oleh kerana punca pendapatan yang terbatas, sekolah jawatankuasa seringkali menghadapi masalah kewangan apabila pelajar sekolah tersebut berkurangan terutamanya untuk membaik-pulih bangunan sekolah.

Selain daripada punca pendapatan tersendiri bagi sekolah-sekolah bukan kerajaan, bantuan kewangan yang juga dikenali sebagai bayaran per capita diberi kepada sekolah Tamil. Bayaran tersebut kemudiannya ditukar kepada *grant-in-aid system* seperti yang dibayar kepada sekolah Inggeris yang menerima bantuan kerajaan¹⁴. Di negeri Selangor, rekod paling awal menunjukkan bantuan kewangan telah diberi kepada sekolah Tamil ialah pada tahun 1908. Bantuan ini diberi mengikut tiga jenis gred yang ditetapkan oleh kerajaan. Pada tahun tersebut wang yang dibayar bagi setiap pelajar ialah \$6.00 bagi gred pertama, \$4.50 bagi gred kedua dan \$3.00 bagi gred ketiga. Bagi pelajar yang berada di Darjah III dan ke atas, wang sebanyak \$10.00, \$7.50 dan \$5.00 telah diperuntukkan mengikut gred.¹⁵ Wang ini dibayar mengikut bilangan pelajar dan kehadiran yang memuaskan dan bangunan sekolah yang baik. Sekolah pula digredkan mengikut lokasinya. Wang dibayar mengikut laporan tahun sebelumnya dan dibayar setahun sekali.

Menjelang tahun 1935, bantuan kewangan ini telah ditetapkan menjadi \$8.00 seorang bagi setiap tahun bergantung kepada kehadiran pelajar. Seseorang pelajar itu harus hadir sekurang-kurangnya selama 100 hari. Kerajaan memberi bantuan kewangan ini untuk menggalakkan sekolah-sekolah beroperasi mengikut standard yang ditetapkan oleh kerajaan. Penetapan ini perlu untuk memastikan kerajaan mendapat pulangan yang secukupnya bagi wang yang dibelanjakannya terhadap pendidikan.

Jadual 10: Bantuan Kewangan Bagi Sekolah-Sekolah Tamil Selangor Mengikut Gred

TAHUN	GRED I	GRED II	GRED III	TIADA GERAN	JUMLAH BAYARAN
1921	36	34	8	-	Tidak diperolehi
1922	40	35	16	1	\$18976.50
1923	33	40	28	8	\$21162.50
1924	41	33	44	16	\$21995.00
1925	69	57	23	-	\$35997.00
1926	77	37	39	-	\$36432.50
1927	87	52	25	1	\$46000.00

Sumber: Sel. Sec. B.R.O. 1923, Vol. 1, 894/23, Taj: Grants To Aided Tamil Schools, Selangor, 1922.
Sel. Sec. B.R.O. 1925, Vol. 1, 873/25, Taj: Annual Report on Education, Selangor, 1925.
Sel. Sec. B.R.O. 1926, 930/26, Taj: Grants-in-Aid, Tamil Schools, 1925.
Sel. Sec. B.R.O. 1927, 1372/27, Taj: Grants-in-Aid, Tamil Schools, 1926.
Sel. Sec. B.R.O. 1928, 292/28, Taj: Grants To Aided Tamil Schools, Selangor, 1927.

Berdasarkan kepada jadual di atas, kita dapat bahawa kebanyakan sekolah-sekolah Tamil di ladang-ladang Selangor dikategorikan kepada Gred I yang melayakkan kepada bayaran per kapita yang paling tinggi. Misalnya, pada tahun 1921, hanya lapan buah sekolah sahaja yang tergolong kepada Gred III dan selebihnya tergolong kepada Gred I dan II.

Sekolah-sekolah Tamil ladang ini dinilai dan digredkan setiap tahun seperti perubahan dari tahun 1921 ke tahun 1922 yang dapat dilihat di bawah:

- 9 buah sekolah telah diturunkan dari Gred I kepada Gred II
- 3 buah sekolah telah diturunkan dari Gred I kepada Gred III
- 11 buah sekolah telah dinaikkan taraf dari Gred II kepada Gred I
- sebuah sekolah telah dinaikkan dari Gred III kepada Gred I
- 3 buah sekolah telah dinaikkan taraf dari Gred III kepada Gred II.
- Sebuah sekolah lama tidak digredkan.

Sekolah lama yang tidak digredkan itu tidak mendapat geran kerana tidak memenuhi syarat kelayakan iaitu masih beroperasi di bangunan lama.¹⁶ Sekolah yang sebegini terpaksa mencari punca kewangan yang tersendiri untuk meneruskan perjalanananya. Jumlah bantuan kewangan yang telah dibayar kepada sekolah-sekolah Tamil di Selangor pada tahun 1922 ialah sebanyak \$21,162.50.¹⁷ (bayaran bagi tahun 1921 tidak diperolehi).

Pembayaran *grant-in-aid* semakin meningkat tahun demi tahun kerana peningkatan bilangan sekolah Tamil di Selangor. Bagi tahun 1927, bayarannya ialah \$46,000 iaitu lebih dua kali ganda berbanding dengan tahun 1922. Pada tahun 1947, terdapat 197 buah sekolah estet, 3 buah sekolah mubaligh dan 19 buah sekolah swasta aliran Tamil di Selangor. Jumlah geran yang dibayar adalah sebanyak \$312,736.04.¹⁸ Geran ini telah dibayar setelah mengambil kira beberapa perkara seperti bangunan, staf sekolah, peralatan dan khususnya keputusan peperiksaan tahunan setelah disyorkan oleh Penyelia Sekolah-sekolah India.

Grant-in-aid system ini adalah sesuatu yang amat diperlukan untuk mengendalikan sekolah-sekolah Tamil memandangkan punca pendapatan dari pihak-pihak lain amat terbatas. Untuk mendapatkan peruntukan ini sekolah-sekolah Tamil telah sedaya upaya cuba beroperasi berdasarkan kepada syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran.

Peperiksaan Tahunan

Peperiksaan tahunan dijalankan pada akhir bulan November atau Disember. Di beberapa kawasan di mana guru-guru dan sekolah secara amnya lebih progresif, peperiksaan bagi Darjah I, II dan III dikendalikan oleh guru besar dan keputusannya

diteliti oleh Nazir Sekolah-sekolah India untuk mempastikan para pelajar ditingkatkan ke darjah yang lebih tinggi sejajar dengan kebolehan mereka. Bagi darjah-darjah yang lain, peperiksaan dikendalikan sendiri oleh Nazir. Peperiksaan Darjah IV dan V dikendalikan oleh Nazir dan peperiksaan Darjah VI dikendalikan secara berpusat di Pejabat Pelajaran di setiap negeri.¹⁹ Pusat yang dipilih biasanya adalah di Sekolah Melayu. Peperiksaan bagi Darjah VII yang biasanya diambil oleh calon-calon yang ingin menjadi guru dan rekrut bagi profesi perguruan diadakan secara berpusat bagi seluruh persekutuan di Ibu Pejabat Pelajaran. Perjalanan peperiksaan sekolah-sekolah India ataupun lebih khusus lagi sekolah-sekolah Tamil ini membuktikan bahawa standard pencapaian para pelajar adalah terjamin.

Matapelajaran yang diuji untuk tujuan peperiksaan dan pemberian sijil ialah Bacaan, Tulisan, Matematik, Geografi, Bahasa, di mana Bahasa Tamil diuji untuk pelajar Tamil, serta Pengetahuan Am. Kelulusan pelajar dalam matapelajaran-matapelajaran tersebut, akan membolehkan pelajar mendapat sijil akademik dan naik ke darjah yang lebih tinggi setelah disyorkan oleh Penyelia Sekolah yang digelar *Senior Inspector of Schools*.

Latihan Perguruan Bagi Guru-Guru Sekolah Tamil Selangor

Pada tahun 1937, seorang pegawai baru telah dilantik dan beliau terlebih dahulu dihantar ke India untuk mempelajari bahasa Tamil, seperti yang sudah pun diperjelaskan terlebih dahulu di dalam bab ini. Di bawah penyeliaan pegawai baru ini yang dikenali sebagai *Inspector of Indian Schools*, kurikulum bagi sekolah Tamil telah diperkembangkan dan diberi *rural bias*, sama seperti di sekolah-sekolah Melayu. Selepas daripada itu, telah diadakan latihan bagi guru-guru di sekolah-sekolah Tamil di NNS dan

NNMB. Pusat latihan pertama bagi guru-guru Tamil di Tanah Melayu ialah di Kelang, Selangor.²⁰ Dengan itu bolehlah dikatakan Selangor telah memainkan peranan penting dalam menentukan perkembangan pendidikan Tamil di negeri tersebut dan di Tanah Melayu secara amnya. Bagi NNMTB yang mempunyai entiti pendidikan tersendiri, Johor sahaja yang diselia dan dikawal oleh Pegawai Penyelia yang profesional.

Sebelum tahun 1937, guru-guru terlatih bagi pendidikan Tamil adalah dari India dan mereka datang ke Tanah Melayu atas inisiatif sendiri dan mencari pekerjaan di Tanah Melayu. Bilangan guru-guru di sekolah Tamil kerajaan dan sekolah Tamil yang mendapat bantuan kerajaan di NNMB, mengikut data November 1936 adalah seramai 471 orang di mana 450 (47 orang terlatih) adalah guru-guru lelaki dan 21 (8 orang terlatih) adalah guru-guru perempuan. Nisbah pelajar dengan guru ialah seorang guru bagi 32.1 orang pelajar.²¹ Ada di antara guru-guru ini yang masih merupakan penyelia estet, kerani ataupun pembantu klinik atau hospital yang melakukan tugas mengajar di samping tugas-tugas rasmi mereka.

Terbukti bahawa guru-guru begini tidak mempunyai latihan mengajar dan akibatnya perjalanan sekolah tidak memuaskan.²² Salah satu sebab mengapa wujud masalah ini ialah kerana sehingga tahun 1936, tiada pusat-pusat latihan yang bertujuan melatih guru-guru Tamil. Hanya pada tahun 1937, baru kelas latihan perguruan telah dimulakan di Selangor yang menjalani latihan selama dua tahun. Ini diikuti oleh negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka. Selepas daripada itu, kebanyakan guru-guru terlatih datang dari kelas-kelas latihan tersebut, walaupun ada segelintir yang masih datang dari negara India.

Kelas-kelas bagi latihan perguruan di Selangor sebagaimana juga di negeri-negeri lain, diadakan pada hari Sabtu dan Ahad bila sekolah ditutup. Pusat latihan ialah di

Klang. Tenaga pengajar bagi kelas-kelas ini adalah Nazir ataupun guru-guru terlatih dari sekolah aliran Inggeris. Kelas berjalan selama lebih kurang enam jam sehari dan kelas bertemu selama empat puluh hari dalam setahun.²³ Calon-calon guru yang terpilih terpaksa membahagikan masa di antara mengajar di sekolah dan belajar di kelas-kelas latihan tersebut. Bahkan ada guru-guru pelatih yang sanggup berulang lima puluh batu untuk sampai ke pusat latihan mereka.²⁴ Ini menunjukkan para guru terpaksa mengharungi berbagai-bagi cabaran untuk menjalani kelas-kelas latihan tersebut, khususnya bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman kerana pusat-pusat latihan hanya terdapat di kawasan-kawasan bandar.

Sehingga tahun 1947, bantuan kerajaan hanyalah bantuan kewangan berdasarkan per kapita bagi sesebuah sekolah di Selangor mahupun di negeri-negeri lain. Tiada skel gaji yang tetap bagi guru-guru di mana gaji mereka adalah persetujuan individu di antara guru dan majikan sekolah. Dalam keadaan sedemikian, guru-guru tersebut mengambil profesi perguruan sebagai langkah sementara ataupun sebagai langkah terakhir kerana tidak mendapat pekerjaan yang lebih baik. Oleh kerana gaji yang tidak sepadan itu, maka sikap apatetik guru-guru tersebut terpancar di sekolah dengan kerja yang kurang efisyen.

Pada tahun 1947, berlaku satu perubahan dasar bagi profesi perguruan ini di mana telah diwujudkan skel *incremental* berdasarkan kepada taraf akademik guru-guru. Perubahan ini dan perhatian yang lebih serius oleh Pejabat Pelajaran terhadap pendidikan India telah menampakkan kesan positif di kalangan guru-guru India khususnya guru-guru Tamil. Kelas latihan yang asalnya berjalan selama dua tahun telah dilanjutkan selama tiga tahun mulai tahun 1949.

Sebagai langkah meninggikan martabat profesi perguruan sebelum merdeka, Kesatuan-kesatuan Perguruan telah banyak memberi sumbangan. Kesatuan-kesatuan

perguruan ini telah menganjurkan sebanyak lapan belas kelas Darjah VII secara sukarela²⁵ bagi guru-guru yang hanya ada kelulusan Darjah VI sahaja. Usaha mereka ini telah mendapat perhatian pihak Jabatan Pelajaran sehingga terdapat peningkatan terhadap latihan perguruan ke arah latihan yang lebih moden. Kesatuan-kesatuan Perguruan Tamil telah banyak memainkan peranan dalam pembentukan dan perkembangan pendidikan keseluruhannya, khususnya dalam mempertingkatkan kelayakan akademik guru-guru Tamil. Selain daripada itu, Kesatuan-kesatuan Perguruan juga pernah menganjurkan sukan tahunan, pameran kraftangan dan persidangan tahunan.

Jadual 11: Statistik Sekolah India, Pelajar dan Guru di Selangor

Tahun 1947				Tahun 1952		
Jenis Sekolah	Bil. Sekolah	Bil. Pelajar	Bil. Guru	Bil. Sekolah	Bil. Pelajar	Bil. Guru
Kerajaan	5	698	21	9	1719	58
Estet	199	8511	248	198	7870	296
Mubaligh	3	288	7	3	415	11
Komiti	24	1808	60	27	2490	80
JUMLAH	231	11305	336	237	12494	445

Sumber: Federation Report on Education in the Malayan Union, 1947, by H.R. Cheeseman, Kuala Lumpur: Governemnt Press, 1948, hal. 170.

Annual Report on Education for 1952, Federation of Malaya, hal. 90.

Daripada jadual di atas kita dapat membuat satu perbandingan yang jelas di antara tahun 1947 dan 1952 terhadap bilangan sekolah India (termasuk bahasa pengantar Tamil, Telugu, Malayalam, Punjabi, Gurkhali, Gujerati dan Hindi), bilangan pelajar dan bilangan guru di negeri Selangor.

Walaupun bilangan sekolah bagi tahun 1952 bertambah hanya enam buah sahaja berbanding dengan tahun 1947, namun terdapat pertambahan dalam enrolmen pelajar dan bilangan guru. Bilangan guru menunjukkan pertambahan yang besar iaitu bertambah sebanyak 208 orang guru menjadi 445 orang tenaga pengajar di Selangor bagi tahun 1952 berbanding dengan hanya seramai 336 orang guru bagi tahun 1947. Namun demikian, bilangan guru bagi pelajar yang begitu ramai adalah tidak mencukupi. Peranan latihan perguruan dalam meningkatkan bilangan guru-guru India khususnya guru-guru Tamil tidak boleh dinafikan.

Semasa pelajar menjalani latihan perguruan, penekanan diberi kepada Teori Mengajar bagi sekolah-sekolah ladang dan sekolah-sekolah bandar. Dalam bidang Saikologi pula, tabiat dan sikap kanak-kanak dan hubungan guru dengan pelajar diberi penekanan. Tumpuan juga diberi kepada tugas dan tanggungjawab guru, penyediaan rancangan mengajar, susunan kelas, persediaan jadual waktu, kebersihan kelas, pengendalian peperiksaan dan pendaftaran pelajar diberi pendedahan yang sewajarnya. Latihan mengajar pula disusuli dengan kritikan serta nasihat daripada Pengajar.

Dalam bidang akademik, tumpuan diberi kepada Bahasa Tamil di mana mereka diajar tentang nahu, kesusasteraan dan penulisan. Selain daripada itu diajar tentang Matematik, Geografi, perkebunan, latihan fizikal dan permainan, perkebunan, kesihatan dan kerja tangan. Semuanya ini ada hubung-kait yang rapat dengan Sukatan Pelajaran sekolah Tamil.

Pemusatan Sekolah-sekolah Tamil di Selangor

Langkah pemusatan atau penggabungan ini amat diperlukan bagi sekolah-sekolah yang tidak ekonomik, di mana terdapat hanya seorang guru yang biasanya tidak terlatih

dan terpaksa mengajar pelajar dari berbagai darjah. Sekolah-sekolah yang biasanya terlibat dalam proses penggabungan ialah sekolah-sekolah estet di mana memang menjadi masalah besar untuk memusatkan sekolah-sekolah tersebut.

Satu daripada sebabnya ialah sesebuah estet harus menyediakan pendidikan bagi anak-anak pekerja di ladangnya tetapi bukan bagi anak-anak pekerja di ladang lain.²⁶ Timbul juga masalah di mana dua buah sekolah yang ingin digabungkan dari dua buah *division* yang berlainan, tetapi terletak barjauhan di antara satu sama lain dan menimbulkan masalah bagi kanak-kanak sekolah untuk berulang-alik. Ada pula masalah di mana terdapat dua buah sekolah yang boleh digabungkan tetapi terdiri daripada dua pengurusan yang berlainan menyebabkan tidak wujud kesepakatan dalam hal penggabungan. Ini akan membawa kepada kerumitan pengurusan sekolah yang digabungkan itu.

Dalam pada itu terdapat juga usaha menggabungkan sekolah-sekolah Tamil yang tidak ekonomik supaya menjadi lebih efisyen dan ekonomik. Cadangan pemasatan sekolah-sekolah kecil sangat ideal terutamanya bagi ladang-ladang yang terdiri daripada satu syarikat yang sama yang berfungsi seakan-akan sama dengan *group hospitals* di kawasan ladang. Kejayaan pemasatan telah menyelesaikan berbagai-bagai masalah contohnya menjimatkan tenaga dan masa pengajaran guru.

Jadual 12: Penggabungan Sekolah-sekolah India Ladang di Selangor

Nama sekolah bergaris ialah sekolah baru	Nama ladang yang terlibat	Tarikh penggabungan	Komen mengenai jarak di antara sekolah
i. <u>Killinghall</u> dan Bukit Hitam	Ladang Bukit Hitam . Ladang Killinghall	Januari 1949	Jarak antara kedua-dua buah sekolah kurang dari satu batu.
ii. <u>Nigel Gardener Div. I</u> <u>Nigel Gardener Div. II</u>	Pengurusan sama (Nigel Gardener Estate (Messrs. Socfin Co., Ltd.)	Januari 1948	Jarak dua batu-bergabung sebab pekerja dipindahkan di Div. I
iii. <u>SungeiRambai "B"</u> <u>Sungei Rambai "C"</u> (tiada nama baru)	Pengurusan sama (Messrs. Socfin Co., Ltd.	Januari 1948	Masih berfungsi sebagai sekolah berasingan di bangunan yang sama.
<u>Changkat</u> dan <u>Permatang</u>	Pengurusan Permatang Estate sahaja	16-5-1949	Masih awal untuk dikomen
<u>Sg. Rawang</u> dan <u>Fermanagh</u>	Sg. Rawang dan Fermanagh	1.1.1949	Darjah I dan II di Sg. Rawang Est. dan Darjah III dan seterusnya di Fermanagh.
<u>Emerald</u> dan <u>Merton</u>	Pengurus Emerald dan Pengurus Merton	1.3.1949	Kurang dari satu batu-enrolmen bertambah
<u>Ladang Sg.Serdang</u> dan <u>Ladang Jalan Acob</u>	Pengurus Sg. Serdang dan Pengurus Jalan Acob	15.10.1948	Jarak kurang dari $\frac{1}{2}$ batu-enrolmen bertambah

Sumber: Pelajaran (Director of Education Malay Peninsula 1947-1948, 124/48,
Taj: Grouping of Estate Schools.

Berdasarkan kepada komen pada jadual tersebut, sekolah-sekolah yang digabungkan biasanya adalah jarak yang berdekatan di antara satu sama lain. Sekolah-sekolah tersebut juga kebiasaannya terdiri daripada pengurusan yang sama. Kadang-

kadang timbul juga masalah kekurangan enrolmen akibat daripada pemusatan dengan alasan jarak yang jauh untuk kanak-kanak berulang-alik ke sekolah.

Bangunan Sekolah

Kebanyakan sekolah estet di tahap awal telah dibuka di bangunan sementara, seperti di kuil estet, di pejabat ladang, di banglo yang tidak berpenghuni, di tempat menjaga kanak-kanak (creche) dan sebagainya. Tidak keterlaluan jika dikatakan, sekolah Tamil dibuka di mana-mana tempat yang boleh, asalkan tempat itu boleh dijadikan sebagai bilik darjah. Ada bangunan sekolah yang berbentuk sementara dan ada yang berbentuk tetap walaupun tidak banyak bilangannya.

Sekolah Tamil Castelfield, Puchong telah beroperasi di bengkel membaiki kereta pada tahap awal yang mana terletak di Batu 11½ ,Puchong, Kuala Lumpur.²⁷ Sekolah Tamil Ladang Glenmarie pula telah beroperasi di wad hospital ladang pada suatu ketika.²⁸ Fenomena tersebut menunjukkan tidak ada satu bentuk bangunan yang seragam serta tetap dan kekal bagi sekolah-sekolah Tamil sebelum merdeka.

Sebelum merdeka bangunan Sekolah Tamil Wilkinson Process pula telah dibahagikan kepada dua bahagian di mana sebahagian telah dijadikan bangunan sekolah dan sebahagian lagi dijadikan tempat mengasuh kanak-kanak.²⁹ Keadaan tempat penjagaan kanak-kanak bersebelahan dengan bilik darjah tidak menyediakan suasana yang sesuai untuk belajar.

Sejak tahun 1947, pihak Jabatan Pelajaran telah memperkenalkan jenis bangunan yang sepatutnya melalui pelan yang telah disediakan. Mengikut pelan tersebut, bangunan sekolah tidak boleh ditempatkan terlalu jauh dari tempat perumahan pekerja dan pejabat

ladang.³⁰ Bersama-sama bangunan sekolah, rumah guru juga harus disediakan oleh majikan.

Berkaitan dengan luas kawasan, sesebuah sekolah itu harus menyediakan seluas 15 kaki persegi bagi setiap orang pelajar. Sekolah-sekolah India yang biasanya dibina adalah sebuah bangunan yang panjang dengan keluasan 800 kaki persegi.³¹ Keluasan ini pula perlu dibahagi-bahagikan di antara darjah-darjah yang terdapat di sesebuah sekolah itu.

Pelan yang dikemukakan itu harus dipatuhi oleh pihak majikan untuk memastikan sekolah tersebut menerima bantuan kewangan. Ada ladang-ladang yang membina bangunan sekolah seperti yang dikehendaki oleh Jabatan Pelajaran. Paling tidak, mereka akan mengubahsuai bangunan yang sedia ada mengikut pelan yang disediakan.

Sesebuah bangunan sekolah estet yang boleh dikatakan mengikut syarat ialah bangunan empat segi bujur dan dicat. Dinding di sebelah memanjang biasanya bata setinggi pinggang. Bahagian atas yang selebihnya dibuat daripada papan dengan tingkap yang secukupnya supaya ada pergerakan udara yang mencukupi.

Sekolah komiti pula ditempatkan di berbagai-bagai jenis bangunan. Ada sekolah yang dibina sejak awal dengan tujuan dijadikan bangunan sekolah di mana terdapat segala kemudahan seperti sekolah kerajaan. Ada juga sekolah komiti yang ditempatkan di tingkat atas kedai, yang kebiasaannya terdapat di kawasan bandar. Kerajaan tidak dapat menyediakan bantuan kewangan bagi penyelenggaraan bangunan sekolah komiti kerana, pertamanya tiada satu badan yang tetap bertanggungjawab terhadap perjalanan sekolah. Masalah kedua ialah, jika kerajaan memberi bantuan tersebut, ini bermakna, kerajaan akan mengambil alih bangunan tersebut.³² Terdapat juga kemungkinan bangunan tersebut akan dijual oleh jawatankuasa tersebut dan timbul persoalan tentang wang yang

dibelanjakan oleh kerajaan terhadap bangunan tersebut. Oleh yang demikian kerajaan tidak menyediakan bantuan kewangan bagi penyelenggaraan bangunan sekolah komiti.

Enrolmen

Bilangan pelajar di sekolah-sekolah Tamil di Selangor boleh dilihat dari segi dua kategori iaitu bilangan pelajar di bandar dan di luar bandar. Terdapat perbezaan yang amat ketara di antara kedua-dua jenis sekolah ini dalam soal enrolmen sebagaimana juga berkaitan dengan hal-hal lain seperti bangunan sekolah, tenaga pengajar, pentadbiran dan sebagainya.

Di sekolah-sekolah bandar enrolmen amat baik sekali. Setiap sekolah sama ada sekolah kerajaan atau sekolah mubaligh mempunyai pelajar tidak kurang daripada 150 hingga 200 orang pelajar pada satu-satu masa. Sebagai contoh, Sekolah Tamil Vivekananda pada tahun 1945 mempunyai pelajar seramai 219 orang walaupun gurunya hanya 8 orang sahaja, manakala menjelang tahun 1950 angka tersebut telah mencerek kepada 377 orang dengan 10 orang guru.³³ Pendekata sekolah ini sentiasa menunjukkan bilangan pelajar yang tinggi.

Sekolah Tamil Jalan Bangsar Kuala Lumpur (Government Tamil School Bungsar Road Kuala Lumpur) adalah sebuah lagi contoh terbaik sebagai sekolah bandar yang mempunyai enrolmen yang amat tinggi. Pada tahun 1950 sekolah tersebut mempunyai seramai 221 orang pelajar dengan 5 orang guru. Angka tersebut telah meningkat kepada 232 orang pelajar dengan guru-guru seramai 7 orang pada tahun 1952.³⁴ Angka yang tidak sepadan dengan saiz sekolah menyebabkan sekolah ini dijalankan dalam dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang.

Namun demikian, satu kekurangan di sekolah bandar ialah semakin meningkat darjah maka semakin menurun bilangan pelajar di dalam darjah-darjah yang lebih tinggi. Sekali lagi fenomena ini dapat dibuktikan dengan melihat enrolmen Sekolah Tamil Bangsar di mana pada tahun 1953, bilangan pelajar di Darjah I ialah seramai 96 orang tetapi di Darjah VII pada tahun yang sama, bilangan pelajar hanya seramai 12 orang sahaja.³⁵ Salah satu sebab kenapa berlaku keadaan ini ialah, ibu bapa di kawasan bandar menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah Inggeris setelah mereka telah mahir dengan pengetahuan asas dalam Bahasa Tamil.

Gambaran yang sebaliknya pula dapat dilihat di sekolah-sekolah luar bandar ataupun sekolah estet. Enrolmen di sekolah-sekolah Tamil ladang tidak pernah melebihi 100 orang pelajar. Misalnya, pada tahun 1948, di Sekolah Tamil Ladang Segambut hanya terdapat seramai 23 orang pelajar di mana 13 daripada mereka ialah pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan.³⁶

Terdapat juga sekolah yang terpaksa ditutup atau digabungkan dengan sekolah-sekolah lain akibat kekurangan bilangan pelajar. Sekolah Tamil Ladang Kalumpang pernah menghadapi masalah penutupan kerana pada tahun 1951 pelajarnya seramai 12 orang. Pada tahun berikutnya pelajar telah berkurangan lagi menjadi hanya 5 orang sahaja.³⁷ Dalam hal ini guru yang mengajar di sekolah tersebut telah dipersalahkan kerana gagal mengambil tindakan menambahkan bilangan pelajar.

Di sekolah-sekolah ladang mahupun di sekolah-sekolah komiti, enrolmen sentiasa berkurangan kerana masalah ibu bapa bertukar majikan untuk mendapat gaji yang lebih. Keadaan sebegini berlaku apabila ibu bapa berpindah dari ladang yang besar yang memberi gaji yang rendah kepada ladang yang lebih kecil (smallholders) di mana mereka diberi gaji lebih tinggi.³⁸ Ladang-ladang besar tidak dapat memberi gaji tinggi

kepada pekerjanya kerana getah dari ladang-ladang besar dijual dengan harga yang lebih rendah berbanding dengan getah dari ladang yang lebih kecil.

Apabila keadaan ini berlaku anak-anak mereka terpaksa mengikut ibu bapa ke tempat baru. Pelajaran kanak-kanak itu terjejas kerana di ladang-ladang kecil tiada sekolah Tamil seperti yang terdapat di ladang-ladang besar, menyebabkan kanak-kanak tersebut terpaksa diberhentikan sekolah. Di ladang-ladang besar yang sudah sedia ada sekolah pula, enrolmen berkurangan sehingga amat sukar untuk menjalankan sesbuah sekolah itu.

Jadual 13: Bilangan Pelajar Tamil Mengikut Daerah Bagi Tahun 1947 di Negeri Selangor

DAERAH	Kuala Lumpur	Klang	Kuala Selangor	Kuala Langat	Ulu Langat	Ulu Selangor	JUMLAH
Pelajar Tamil di Sekolah Vernakular	2871	2553	2679	1530	649	1072	11354
Pelajar Tamil di Sekolah Inggeris (di bawah 12 tahun)	2549	717	11	68	119	147	3610
Pelajar Tamil di Sekolah Tamil dan Inggeris	5420	3270	2690	1597	768	1219	14964
Pelajar dalam Tahap Umur Bersekolah	6058	3976	2859	2072	933	1794	17692
Pelajar Tamil Tidak Bersekolah	638	706	169	475	165	575	2728

Sumber: Pelajaran (Director of Education Malay Peninsula) 1947-1948, 1223/47, Taj: General Organisation and Development, Indian Education.

Jadual di atas menunjukkan satu perangkaan terperinci mengenai jumlah pelajar-pelajar Tamil yang bersekolah di enam buah daerah yang terdapat di Selangor. Kuala Lumpur mendahului daerah-daerah lain di Selangor bagi tahun 1947 dengan bilangan di sekolah Tamil seramai 2871 orang. Ini membuktikan yang Kuala Lumpur adalah daerah yang paling banyak terdapatnya sekolah-sekolah Tamil khususnya sekolah-sekolah estet.

Ulu Selangor pula merupakan daerah yang paling kurang enrolmen bagi tahun tersebut dengan seramai 649 orang pelajar yang menghadiri sekolah Tamil. Jumlah keseluruhan pelajar di negeri Selangor yang sepatutnya menghadiri sekolah Inggeris dan Tamil adalah 17692 orang , tetapi seramai 2728 atau 24 peratus tidak menghadiri sekolah. Peratusan ini adalah peratusan yang tinggi dan sememangnya mereka membantu ibu bapa menambahkan punca pendapatan ataupun tidak menghadiri sekolah kerana sekolah terletak jauh dari tempat kediaman mereka.

Kesimpulannya, ibu bapa di bandar lebih prihatin terhadap pelajaran anak-anak mereka berbanding dengan ibu bapa di luar bandar. Perbezaan yang begitu ketara di antara enrolmen di sekolah-sekolah Tamil bandar dan sekolah-sekolah Tamil di luar bandar boleh disandarkan kepada sikap ibu bapa itu sendiri walaupun terdapat kemungkinan-kemungkinan lain yang sepatutnya boleh diatasi.

Rumusan

Negeri Selangor yang merupakan satu-satunya negeri yang paling banyak penduduk India selepas Perak telah menyaksikan pembukaan banyak sekolah-sekolah India terutamanya sekolah Tamil di ladang-ladang sejak penduduk India Selatan mula menghuni negeri tersebut sebagai kaum buruh. Dengan merujuk kepada sekolah-sekolah negeri ini kita boleh mendapat satu gambaran tentang perjalanan sekolah-sekolah India terutamanya sekolah Tamil di negeri Selangor khususnya.

Ciri-ciri di sekolah-sekolah Tamil negeri Selangor adalah sama dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Berhubung dengan pengurusan dan penyeliaan sekolah-sekolah Tamil, ianya banyak bergantung kepada laporan Penyelia dan Penolong Penyelia Sekolah-sekolah India. Jika laporan Penyelia adalah baik, bermakna pengurusan sesebuah

sekolah itu adalah baik dan layak mendapat bantuan kewangan, dan sebaliknya. Walaupun kerajaan sudi memberi bantuan kewangan, namun wang tersebut biasanya tidak mencukupi untuk pembiayaan sepenuhnya sekolah-sekolah Tamil di Selangor jika enrolmen sesebuah sekolah itu tidak mencukupi.

Ciri-ciri lain berkenaan dengan pendidikan Tamil di Selangor sebelum merdeka seperti, bangunan sekolah, pemasatan atau penggabungan sekolah dan enrolmen menunjukkan bahawa terdapat banyak kekurangan yang harus diperbaiki sebelum meningkatkan kualiti pendidikan Tamil tersebut. Bangunan kebanyakannya sekolah-sekolah Tamil sebelum merdeka adalah dalam keadaan yang tidak memuaskan seperti yang telah pun dibuktikan. Penggabungan pula di dalam kebanyakannya situasi menimbulkan masalah kepada ibu bapa dan anak-anak mereka menyebabkan usaha ini pun nampaknya tidak mendapat pencapaian yang sepenuhnya.

Nota Hujung:

¹ Annual Report on Education in the Federated Malay States for Year 1931, hal. 2

² Ibid.

³ Annual Report on Education in the Federation of Malaya for 1949, hal. 64.

⁴ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 39, Taj: Amherst Estate School.

⁵ Ibid.

⁶ Sekolah ini telah ditubuhkan pada 22 Ogos 1914 atas daya usaha Jawatankuasa Vivekananda.

⁷ Sel. Sec. B.R.O. 1924, Vol. 1, 1333/24, Taj: Vivekananda Tamil School, Brickfields Road, K.L., Management of (Govt. in-aid to).

⁸ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 47, Taj: Saraswathy Tamil School, Sungai Buloh, Kuala Lumpur.

⁹ Annual Report on Education in the Federation of Malaya for 1949, hal. 27.

¹⁰ Sel. Sec. B.R.O. 1923, Vol. 1, 1179/23, Taj: Annual Report 1922, Education Department, Selangor.

¹¹ Annual Report on Education in the Federated Malay States for Year 1931, hal. 28.

¹² The Vivekananda Tamil School Kuala Lumpur Prospectus and Report for 1921, hal. 19.

¹³ The Indian, 28 August 1937.

¹⁴ Kementerian Pelajaran Malaysia 1949-1953, 7678/51, Taj: Indian Education

¹⁵ Sel. Sec. B.R.O. 1908, 2045/08, Taj: New Education Code for the S.S and F.M.S, 1908.

¹⁶ Sel. Sec. B.R.O. 1923, Vol. 1, 894/23, Taj: Grants to Aided Tamil School, Selangor, 1922.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Annual Report on Education in the Malayan Union for 1947, hal. 171.

¹⁹ Ibid., hal. 69.

²⁰ Kenyataan Encik S. Kandasamy, hasil temubual pada 15 Disember 2001.

²¹ Annual Report on Education in the Straits Settlements for the Year 1936, hal. 34.

²² Kenyataan Encik S. Kandasamy pada 15 Disember, 2001.

²³ Report on the Education Department for the Year 1933, by F.J. Morten, Kuala Lumpur:

F.M.S. Goverment Press, 1934, hal. 112.

²⁴ Pusat-pusat Latihan Perguruan Tamil adalah seperti berikut:

Johor: Johor Bahru, Segamat

Kedah: Sungai Petani

Melaka: Seremban/Segamat

Negeri Sembilan: Seremban

Pulau Pinang: Bukit Mertajam

Perak: Taiping, Ipoh, Telok Anson(Teluk Intan)

Selangor: Klang, Kuala Lumpur

²⁵ Annual Report on Education for 1949, by M.H. Holgate, hal. 66.

²⁶ Pelajaran (Director of Education, Malay Peninsula) 1947-1948, 1223/47, Taj: General Organisation and Developments, Indian Education.

²⁷ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 20, Taj: Castlefield Estate Tamil School, Puchong.

²⁸ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 24, Taj: Glenmarie Estate Tamil Sechool, Batu Tiga.

²⁹ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 44, Taj: Standard Type Primary Tamil School Wilkinson Process Rubber Co. Ltd., Batu Caves, Kuala Lumpur.

³⁰ Pelajaran (Director of Education) Malay Peninsula) 1947-1948, 794/47, Taj: Indian School Teachers on Estates.

³¹ Ibid.

³² Pelajaran (Director of Education Malay Peninsula) 1947-1948, 1223/47, Taj: General Organisation and Developments, Indian Education.

³³ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 3, Taj:

Vivekananda Tamil Sechool

³⁴ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 8, Taj: Government Tamil School, Bungsar Road, Kuala Lumpur.

³⁵ Ibid.

- ³⁶ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, K.L. 41, Taj: National Type Primary Tamil School, Segambut Estate, Kuala Lumpur.
- ³⁷ Jabatan Pelajaran Selangor (Sekolah Melayu, Cina, Inggeris, Tamil) 1945-1953, U.Sel. 10, Taj: Standard Type Primary Tamil School, Kalumpang.
- ³⁸ Kementerian Pelajaran Malaysia, 1949-1953, 767/51, Taj: Indian Education.